

# Mengkritik, dikritik kekuatan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Mengkritik dan dikritik adalah kekuatan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menjana sesuatu keputusan yang hebat.

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin berkata, kritikan adalah sangat penting bagi bekas Perdana Menteri itu terutamanya ketika mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Beliau berkata, dua komponen utama dalam faktor kritik oleh Dr. Mahathir ialah bersikap skeptikal dan sinis.

Katanya, sikap skeptikal itu telah membolehkan beliau memperoleh banyak maklumat mengenai sesuatu perkara sebelum membuat sesuatu keputusan.

"Ini kerana beliau ingin tahu lebih banyak mengenai sesuatu perkara dan tidak akan mudah berpuas hati dengan satu saluran maklumat semata-mata.

"Ada ketikanya beliau bersikap sinis dengan tujuan pihak yang terkena kritikan itu akan lebih bersungguh-sungguh untuk menjayakan sesuatu usaha.

"Bagi beliau, setiap apa yang berlaku perlu ada penjelasan mengenainya," katanya pada Persidangan Antarabangsa Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) di sini hari ini.

Menurutnya, Dr. Mahathir bukan melakukan kritikan secara melulu atau membabi

buta sebaliknya ia bertujuan mencari jalan penyelesaian yang sesuai dan berkesan.

Jelasnya, keupayaan beliau mengkritik boleh dilihat menerusi beberapa buku yang pernah dihasilkannya seperti *Dilema Melayu*, *Challenge*, *The Voice of Asia* dan *A New Deal For Asia*.

Shamsul Amri berkata, keyakinan terhadap keupayaan sendiri banyak membantu Dr. Mahathir dalam menjayakan beberapa projek dan program besar seperti pembinaan

Menara Berkembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan penganjuran perlumbaan Formula Satu.

Beliau menarik perhatian, sepanjang pentadbirannya, Dr. Mahathir telah menubuhkan tiga institusi yang memainkan peranan penting dalam perjalanan kerajaan.

Ketiga-tiga institusi itu, katanya, ialah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).